



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com.

## Tangani keselamatan siber

**A**PAKAH perkara yang perlu difikirkan oleh syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) dalam menangani pencegahan ancaman keselamatan siber?

**-DIN, Kerteh.**

Teori pencegahan itu lebih baik daripada mengubati adalah sesuai kerana kos dan risiko yang perlu ditangani sekiranya berlaku pencerobohan keselamatan siber adalah sangat tinggi.

Jadi, perlu ada beberapa perkara yang difikirkan terlebih dahulu bagi sesebuah syarikat IKS bagi menjangkaui melebihi ancaman keselamatan siber yang berkemungkinan berlaku terhadap prasarana teknologi maklumat.

Di sini dibincangkan beberapa perkara yang perlu diketahui dan difikirkan secara khusus ketika perlaksanaan prasarana teknologi maklumat yang boleh menjimatkan kos operasi syarikat terutama bagi syarikat IKS.

**1** Perlu difikirkan bahawa pencerobohan keselamatan akan berlaku ke atas prasarana teknologi maklumat. Jadi, perlu difikirkan secara khusus dan terperinci apakah jenis-jenis kemungkinan pencerobohan siber akan berlaku. Dengan itu, mesti ada perancangan bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut sekiranya berlaku.

**2** Perlukan difikirkan juga apakah kekuatan organisasi dan prasarana keselamatan teknologi maklumat yang dimiliki. Seterusnya, bagaimana untuk menggunakannya seoptimum yang mungkin untuk melindungi kekuatan dan aset bagi syarikat terbabit.

**3** Perlu diketahui dengan terperinci apakah ancaman-ancaman yang berpotensi dan wujud dalam persekitaran prasarana teknologi maklumat. Di sini, perlu ada pemikiran bagi seseorang penceroboh siber seperti apakah benda yang dicari, bagaimana untuk mendapatkannya dan apakah yang akan dibuat dengan benda tersebut.

**4** Fikirkan keselamatan ketika proses pemindahan data berlaku dalam sistem maklumat sesebuah organisasi seperti enkripsi, log aktiviti, saluran yang selamat dan lain-lain.

**5** Apa sahaja prasarana keselamatan teknologi maklumat yang dimiliki termasuk prosedur dan polisi keselamatan perlu difikirkan untuk dibuat pengujian bagi memastikan ia beroperasi dengan baik, cekap dan berkesan.